

JAWATAN : PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP1

KUMPULAN PERKHIDMATAN: PELAKSANA

**KLASIFIKASI PERKHIDMATA : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN
AWAM (K)**

TERMA LANTIKAN : SEPENUH MASA

TARAF JAWATAN : TETAP

GAJI POKOK : RM1,500.00 – RM4,680.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a. Warganegara Malaysia.
- b. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki:

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.(Gaji Permulaan:RM1,500.00); atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.(Gaji Permulaan: RM 1,500.00); atau
- (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan. (Gaji Permulaan:RM1,500.00); atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan:RM1,561.00); atau
- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bdiang berkaitan atau kelayakan yang dikitiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan: RM1,622.00)

b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut;

- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
- (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 8.4sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasing dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;

- (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN UNIVERSITI

Calon yang pernah atau sedang berkhidmat sebagai Polis Bantuan atau mempunyai sijil tamat latihan Kursus Asas Polis Bantuan akan diberi keutamaan.

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas kawalan keselamatan aset kerajaan melibatkan keselamatan fizikal dokumen dan personel di bangunan dan premis kerajaan termasuk Kawasan-kawasan yang diisytiharkan sebagai Kawasan Larangan dan Tempat Larangan di bawah Akta Kawasan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298)

CARA MEMOHON:

1. Permohonan hendaklah dibuat melalui Sistem Permohonan Jawatan (*hrportal*) yang boleh dicapai dalam laman web rasmi UPMKB di ejobs.upm.edu.my.
2. Hanya calon yang **layak dan melepasi proses saringan sahaja akan dipanggil untuk sesi temuduga.**
3. Permohonan yang **tidak lengkap tidak akan diproses.**
4. Calon yang tidak menerima apa-apa jawapan dalam tempoh **enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.**
5. Sebarang pertanyaan mohon hubungi Seksyen Perlantikan Pejabat Pendaftar (UPMKB) di talian 086-855289/086-855234/086-855259